

23 FEB 1996

Bukvic-penjelasan

BUKVIC MENINGGAL KERANA BERBAGAI KEGAGALAN ORGAN

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Kuasa Usaha Bosnia di sini Ibrahim Bukvic meninggal dunia kerana kegagalan pelbagai organnya untuk berfungsi akibat komplikasi penyakitnya, kata jurucakap Pusat Perubatan Pantai hari ini.

Dalam satu kenyataan, pegawai perhubungan awam pusat itu Judy Hor berkata Allahyarham Bukvic telah dimasukkan ke pusat itu di bawah jagaan doktor peribadinya dan telah menjalani beberapa pembedahan thrombosis saluran darah ke ususnya.

Tiga bahagian ususnya telah dibuang, katanya.

Pusat itu turut mengucapkan takziah dan simpati kepada keluarga Allahyarham.

Bukvic, 55, telah dimasukkan ke pusat itu pada 31 Jan kerana sakit dalam perut dan meninggal dunia pada hari raya Aidil Fitri tiga hari lepas.

Sebelum ini, anak lelakinya, Amer, 22, menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap layanan perubatan yang diterima oleh bapanya dari pusat itu dan keluarganya telahpun membuat aduan kepada pihak pengurusan pusat itu dan juga Wisma Putra serta Kementerian Luar Negeri Bosnia.

Menurut Amer bapanya telah menjalani pembedahan apendiks selepas dimasukkan ke pusat perubatan itu.

Tujuh hari kemudian satu lagi pembedahan telah dijalankan dan kali ini untuk tali perutnya yang tersekat.

Amer berkata dua lagi pembedahan telah dilakukan kemudian, satu untuk memperbaiki jahitan yang terburai dan satu lagi apabila keadaannya menjadi lebih teruk sebelum beliau meninggal dunia.

Apabila dihubungi di rumahnya di Petaling Jaya hari ini, Amer memberitau Bernama yang keluarganya akan membuat aduan rasmi kepada pihak berkuasa jika perlu untuk membolehkan siasatan dijalankan.

"Sekiranya perlu keluarga saya akan membuat aduan bertulis. Saya akan membuat apa saja yang kerajaan Malaysia mahu," kata beliau.

Amer telah diminta mengulas kenyataan pengerusi Majlis Perubatan Malaysia (MMC) Tan Sri Dr Abu Bakar Sulaiman semalam bahawa majlis itu sanggup untuk menyiasat kematian Bukvic.

Abu Bakar, yang juga Ketua Pengarah Kesihatan, juga dilaporkan berkata keluarga Bukvic boleh membuat aduan kepada majlis itu dan mereka juga boleh menyaman pusat perubatan swasta itu sekiranya mereka percaya terdapat kecuaiian.

Amer berkata beliau telah memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "mengenai semua yang berlaku" selepas Perdana Menteri menandatangani buku takziah di Kedutaan Bosnia di Petaling Jaya Rabu lepas.

Amer berkata Perdana Menteri memberitahu beliau siasatan akan dilakukan.

"Saya manaruh penuh kepercayaan kepada budi bicara Perdana Menteri dan juga kerajaan Malaysia," kata beliau. -- BERNAMA

ES WAT MAI